



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 Oktober 2022  
29 Rabiulawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Tiada permit sejak 1986!
Kosmo !	• Sediakan subsidi ikan kembung untuk ringankan beban rakyat • 110 kg pukat hantu dibersihkan di Pulau Perhentian
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		9 26.10.22	



NELAYAN Kuala Perlis terusus dengan pencerobohan nelayan Kedah yang menjarah perairan Perlis untuk memperolehi aktiviti menangkap sifut retak seribu secara haram.

Oleh Alzat Sharif  
am@hmetro.com.my

#### Kangar

Jabatan Perikanan Negeri Perlis (JPNP) tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen atau permit bagi menangkap sifut retak sejati di perairan negeri ini sejak 1986.

Pengaruhnya, Sufian Ahmad berkata, lesen tangkap tunda spesies kerang-kerang itu juga dibekalkan bagi memelihara ekosistem marin dan langkah diambal berdasarkan Buku Dasar dan Prosedur Pelepasan Jabatan Perikanan Malaysia.

"Namun, kami terima aduan daripada kumpulan nelayan negeri ini, malah daripada ahli politik setemput mengenai kewujudan aktiviti penangkapan sifut retak seribu yang meningkatkan implikasi sosial, khususnya dalam kalangan nelayan berlesen."

"Untuk itu, JPNP mengambil tindakan melakukan pemantauan di perairan negeri bersama agensi lain de-

## Tiada permit sejak 1986!

12 kes nelayan curi hasil laut Perlis, guna peralatan haram dibawa ke mahkamah

ngan lebih kerap dan berkes.

"Tahun lalu sahaja, 12 kes yang kami bawa ke mahkamah, membabitkan pelbagai kesalahan menangkap sifut retak seribu termasuk penggunaan peralatan tidak dibenarkan sama sekali," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Kuala Perlis.

Sufian berkata, siasatan mendapati nelayan menangkap sifut retak seribu itu dari Kedah yang diberi lesen tangkap hasil laut itu di perairan Kedah dan Langkawi sahaja bermula 7 pagi hingga 7 malam.

"Namun apa yang terjadi, nelayan ini 'menterhalikan' tempoh tangkapan itu de-



ngan memasuki perairan Perlis pada 7 malam hingga 7 pagi bagi menangkap sifut retak seribu.

"Mereka ditahan Agensi Pengawalsukan Maritim

Malaysia (APMM) dan nelayan ini sebenarnya tahu syarat pelepasan dan apa yang mereka buat salah."

"Cuma, dia dua mereka si-put retak seribu di perairan Kedah diancam kepupusan dan hampir tiada, sebaliknya di perairan Perlis masih banyak. Faktor itu yang mendorong mereka menengroh ke sini," katanya.

Beliau sering berbincang dengan komuniti nelayan Perlis dan persatuannya nelayan sedia ada untuk penyelesaian terbaik dalam menjamin hasil perikanan mencukupi.

Sementara itu, Pengarah APMM Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd Hashim Mat Zain berkata, pihaknya akan dengan situasi pencerobohan nelayan Kedah bagi aktiviti itu dan melaksana rondaan berkala.

"Perairan Perlis berleluasan 378,30 kilometer (km)

“  
Sepanjang tahun ini, kami membuat 38 tangkapan.  
Mohd Hashim

persegi dengan jarak pantai 16,89 km dari kawasan Sanglang hingga ke Kuala Perlis di kawasan Pulau Ketam.

"Sepanjang tahun ini, kami membuat 38 tangkapan mengikut Akta Perikanan 1986, yang mana ta-

ang tangkapan babitan bot menangkap sifut retak seribu. Berdasarkan statistik, tangkapan akibat kesalahan ini dari pada tahun ke tahun meningkat, yang mana ta-

un lalu 40 tangkapan dan 53 tangkapan hingga Oktober tahun ini," katanya.

Mohd Hashim ber-

ata, pihaknya memandang serius iu itu kerana jika ti-

da

dak dibendung, boleh me-

rugikan sektor pertanian

dan mengurangkan pendapatan nelayan di Perlis.

Katanya, APMM turus me-

lakukan rondaan berkala ba-

gi memastikan nelayan pa-

tuhan undang-undang dan ke-

selamatan mereka terpelih-

ara.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		1 26/10/22

# Sediakan subsidi ikan kembung untuk ringankan beban rakyat

**ALOR SETAR** – Persatuan Pengguna Kedah (Cake) menyarankan kerajaan supaya menyediakan subsidi ikan kembung supaya rakyat tidak terbeban dengan ke-naikan harga hidupan marin itu.

Presidennya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, tindakan itu dapat membantu mengawal harga ikan tersebut sekali gus meringankan beban rakyat.

"Ikan sejuk beku jenama Q Fish pula tiada stok kerana kekurangan bekalan ekoran musim tengkujuh dan monsun.

"Kerajaan boleh mengimport

KOSMO 26/10/22 MS 1

ikan kembung dari negara jiran bagi menampung kekurangan bekalan pada musim tengkujuh," katanya.

Menurut Mohamad Yusrizal, bagi mengatasi masalah kekurangan telur pula, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan perlu mengambil langkah membendung perkara itu.

"Bagi isu minyak masak peket pula, Cake mencadangkan supaya jumlah kuota bekalan itu ditambah dan dihantar ter-

tamanya di kawasan kampung dan bandar yang mempunyai ramai penduduk B40.

"Di samping itu, kerajaan perlu menguatkusakan pengawalan terhadap minyak masak tidak bersubsidi supaya harga yang dijual tidak terlalu tinggi," katanya.

Dalam pada itu, kata beliau, berdasarkan lawatannya ke sebuah kampung baru-baru ini, ada penduduk yang kurang berkelebihan mengambil inisiatif menjala ikan di sungai sebagai sumber protein untuk santapan tengah hari dan malam.



KERAJAAN dicadang memberi subsidi ikan kembung supaya dapat meringankan beban golongan kurang mampu.

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	
					i 8	26/10/22

# 110 kg pukat hantu dibersihkan di Pulau Perhentian

**BESUT** – Sekumpulan sukarelawan mengambil inisiatif membersihkan terumbu karang daripada sisa-sisa pukat atau lebih dikenali sebagai pukat hantu di Taman Laut Pulau Perhentian, Kuala Besut di sini semalam.

Pembantu Perikanan Cawangan Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut, Nazrul Azlinshah Ahmad Nazmi berkata, seramai 20 sukarelawan terdiri daripada peminat selamana skuba berjaya mengutip 110 kilogram (kg) sisa pukat di kawasan terumbu karang.

"Pukat hantu ialah peralatan

Kosmo 26/10 MS 18  
menangkap ikan seperti pukat, jaring atau jala yang ditinggalkan atau tertinggal secara tidak sengaja di dasar laut termasuk terumbu karang.

"Ia merupakan ancaman kepada haiwan marin kerana merangkap ikan dan batu karang yang menjadikan habitatnya, sekali gus bakal memusnahkan sumber ikan," katanya di sini semalam.

Nazrul Azlinshah berkata, keprihatinan 20 sukarelawan terdiri daripada kakitangan awam dan swasta itu amat dihargai pihaknya.

Tambah beliau, inisiatif tersebut sedikit sebanyak membantu usaha Taman Laut Pengurusan dan Perlindungan Sumber Daerah Besut melindungi kawasan terumbu karang di Pulau Perhentian.

"Semua pukat hantu yang berjaya dikutip berkenaan akan dibawa ke tanah besar (Besut) untuk dilupuskan.

"Program sukarelawan membersihkan pukat hantu di dasar Pulau Perhentian ini akan diteruskan lagi demi kelestarian alam sekitar dan sumber perikanan selain melonjakkan industri pelancongan setempat," katanya.



**SUKARELAWAN** menunjukkan sebahagian pukat hantu yang berjaya dikutip di Pulau Perhentian, Besut semalam.